



## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka

Tel : 06-331 6188 Faks : 06-331 6115

E-mail : [bendahari@utem.edu.my](mailto:bendahari@utem.edu.my)

### PEJABAT BENDAHARI

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 ( 3 )

Rujukan Tuan (Your Ref.) :



17 Februari 2011  
14 RabiulAwal 1432 H

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2 /2011

Kepada,  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

*Assalamualaikum wrt. wbt.,*

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

#### **PENYATA PENDAPATAN 2010 DAN PENYATA PENDAPATAN BUKAN GAJI 2010**

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y.Bhg.Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan, Penyata Pendapatan 2010 dan Penyata Pendapatan Bukan Gaji 2010 telah diedarkan kepada Bahagian Pentadbiran di setiap Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Penyata Pendapatan dan Penyata Pendapatan Bukan Gaji ini bertujuan memudahkan staf melaporkan pendapatan yang diterima di UTeM ke Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Penyata Pendapatan yang bermasalah hendaklah dibahagikan kepada dua bahagian:

- 1) Masalah berkaitan data peribadi staf sahaja ( contohnya: nama, alamat, bilangan anak, nombor cukai dan sebagainya ) – diserahkan ke Unit Pengurusan Saraan & SMSM, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.
- 2) Masalah berkaitan data gaji staf sahaja ( contohnya: gaji asas, elaun, bonus, potongan dan sebagainya ) – diserahkan ke Unit Gaji dan Pinjaman, Bahagian Pengurusan Pembayaran, Pejabat Bendahari.
- 3) Bagi staf yang mempunyai masalah untuk data peribadi staf dan data gaji staf, penyata pendapatan tersebut hendaklah diserahkan terus ke Unit Gaji dan Pinjaman, Bahagian Pengurusan Pembayaran, Pejabat Bendahari.

Bagi Penyata Bukan Gaji yang bermasalah hendaklah diserahkan ke Unit Pembayaran, Bahagian Pengurusan Pembayaran, Pejabat Bendahari.

Sekian, *Wassalam.*

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

☎ 06 555 2014

s.k. **Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**  
Naib Canselor

**Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)